



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**
(JURNAL HARIAN)

**PADA HARI SABTU, 21HB., SYAABAN 1445 / 02HB., MAC 2024
(HARI KEEMPAT)**

- 1. Do'a Selamat**
- 2. PERKARA VI - RANG UNDANG-UNDANG (2024) PERBEKALAN 2024/2025**

2.1. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II telah menyampaikan kenyataan tambahan bagi menjawab soalan-soalan yang telah diajukan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik semasa perbahasan "**Rang Undang-Undang (2024) Perbekalan, 2024/2025**" pada hari ketiga Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

3. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

3.1. BAB 2 CERAIAN (1) & (2)

3.1.1. Bab 2 Ceraian (1) & (2) telah diundi dan dipersetujui oleh semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

3.2. KEMENTERIAN PERTAHANAN

3.2.1. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II telah menyampaikan pembentangan mukadimah mengenai anggaran perbelanjaan bagi tahun kewangan 2024/2025 dan hala tuju Kementerian Pertahanan dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

- 3.2.2. Tajuk SB01A hingga Tajuk SB04A Kementerian Pertahanan tidak dibahaskan memandangkan ianya berkaitan langsung dengan hal ehwal strategik keselamatan negara dan sensitif, dan tidak bersesuaian untuk dibincangkan secara terbuka.
- 3.2.3. Tajuk SB01A - SB04A telah diundi dan dipersetujui oleh semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

4. KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

- 4.1. Jawatankuasa seterusnya menimbulangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A.
- 4.2. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyampaikan mukadimahnya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.
- 4.3. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, iaitu:
 - i. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf;
 - Memohon pencerahan mengenai perancangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk meningkatkan pembangunan kapasiti termasuk kemahiran kepimpinan serta kredibiliti dalam memartabatkan kepimpinan penghulu mukim dan ketua kampung;
 - Ingin mengetahui sejauh manakah tahap perkembangan dan pergerakan keseluruhan Majlis-Majlis Perundingan Mukim dan Kampung telah mencapai sasaran dan apakah inisiatif-inisiatif dan pelan tindakan jangka masa sederhana dan panjang bagi merealisasikannya;
 - Memohon pencerahan mengenai perancangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bagi

mengembang majukan dan memartabatkan 1 Kampung 1 Produk (1K1P) sehingga mampu menembusi pasaran luar negeri;

- Ingin mengetahui inisiatif Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk penubuhan dan menggerakkan *cooperative society* di kampung dan mukim dalam usaha menggalakkan lagi penglibatan dalam kegiatan perekonomian khususnya 1 Kampung 1 Produk (1K1P);
- Mengajukan pertanyaan mengenai sebab kutipan cukai lembaga bandaran tidak menunjukkan peningkatan serta berapakah jumlah tunggakan cukai bangunan pada masa kini di kawasan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan;
- Memohon pencerahan tentang perkembangan atau usaha untuk mereviu dan mengemaskini sistem cukai yang dikenakan di kawasan bandaran;
- Menyarankan agar undang-undang perbandaran dapat disemak dan dikemas kini bagi memperkasakan dan memperkesankan tadbir urus yang lebih terarah dan sejajar dengan objektif;
- Mengajukan pertanyaan mengenai strategi atau rancangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memartabatkan Bandar Seri Begawan ke arah yang lebih *vibrant* setanding dengan negara jiran;
- Memohon pencerahan mengenai peranan dan usaha Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan dalam mensejajarkan dan menyelaraskan dasar bagi menarik dan menggalakkan *Foreign Direct Investment* (FDI) dan tatacara *Ease of Doing Business* di negara ini;
- Memohon penjelasan mengenai inisiatif atau rancangan bagi menambah baik tatacara dan

proses dalam *National Labour Management System* (NLMS);

- Mengajukan pertanyaan jika terdapat penganalisaan atau kajian strategik mengenai penyelarasan dalam menyusun dan memperkemaskan dan memperkesangkan peranan dan bidang tugas antara Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat;
- Memohon pencerahan mengenai tren jumlah kemasukan semula banduan ke dalam penjara, apakah jenis jenayah yang dilakukan dan sama ada terdapat peningkatan atau penurunan banduan dari golongan belia yang berumur 30 tahun ke bawah;
- Menyoalkan jika Jabatan Penjara dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri membuat kajian terperinci atau mempunyai *framework* pemulihan yang berkesan sebagai langkah pemulihan kepada bekas banduan;
- Memohon pencerahan jika ada inisiatif untuk memulangkan warganegara asing yang dijatuhkan hukuman penjara bagi kategori *minor offences*.

4.4. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah menyampaikan kenyataan-kenyataan bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan.

[MAJLIS MESUARAT NEGARA DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 3.25 PETANG]

5. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA

5.1. KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

- 5.1.1. Jawatankuasa telah menyambung untuk menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu Tajuk SE01A hingga Tajuk SE12A.
- 5.1.2. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan persoalan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan persoalan juga direspon oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, iaitu:
- ii. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Ibrahim;
- Memohon pencerahan mengenai keperluan sebenar penambahan bilangan jawatan perkeranian dan lain-lain contohnya di Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria;
 - Memohon perkongsian maklumat mengenai langkah-langkah strategik kementerian dalam meningkatkan hasil cukai baru atau pengutipan hasil yang tertunggak;
 - Memohon penjelasan masalah yang dihadapi di dalam projek Pembangunan Semula Kampong Ayer;
 - Memohon penjelasan sama ada pelan induk penggunaan tanah di Daerah Temburong telah pun siap dan dapat dibuat atas bagi perkembangan guna tanah dan ekosistem bisnes di daerah tersebut dan sama ada projek ini ditangguhkan pelaksanaannya atau ditiadakan;
 - Memohonkan pencerahan sama ada akan dibuat sistem *upgrade* bagi ketibaan penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di bawah projek *One MOHA System* dan projek sistem *e-gate*;

- Ingin mengetahui sama ada terdapat keperluan mendesak bagi projek pembinaan Penjara Maraburong Fasa 5, sehinggakan ia tidak dapat ditangguhkan bagi memberi laluan kepada projek-projek yang mempunyai keutamaan tersendiri yang akan memberi *spin-off* dan impak yang lebih besar kepada kesejahteraan rakyat dan ekonomi tempatan;
- Mencadangkan agar kementerian membuka satu program *sponsorship* atau membuat kutipan derma secara *online* bagi kemudahan-kemudahan dan pemeliharaan fasiliti di tempat-tempat riadah.

iii. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin;

- Menyoalkan tentang penilaian kementerian terhadap pencapaian aspirasi kedua di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan rancangan terperinci kementerian untuk mencapai aspirasi tersebut;
- Ingin mengetahui kesan keseluruhan aspirasi ini terhadap kualiti kehidupan masyarakat tempatan di bandar dan daerah serta berapa jumlah pekerjaan yang dijangka akan dicipta melalui aspirasi kedua ini;
- Memohon pencerahan jika Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri merancang untuk mengadakan semakan semula terhadap BSB Masterplan 2010 untuk transformasi pembangunan bandar dan daerah;
- Menyoalkan jika terdapat rancangan serupa untuk merancang pembangunan pekan-pekan dan daerah-daerah lain di Negara Brunei Darussalam dan jika *masterplan* tersebut akan diberikan kepada orang ramai;
- Mencadangkan agar aspirasi kedua ini dimasukkan di dalam Petunjuk Prestasi Utama

(KPI) Kementerian yang akan datang dengan peruntukan khas untuk inisiatif-inisiatif yang dirancang dan bagi perancangan bandar dan desa di kawasan bandar dan desa yang lain diadakan *Masterplan* yang lebih teliti dan sejajar dengan inisiatif kerajaan yang lain bagi pembangunan masa pendek, sederhana dan panjang;

- Mengusulkan bagi kesemua 15 pintu kedai yang ada di sekitar Pekan Bangar untuk diungkayahkan sepenuhnya oleh warga tempatan;
- Mencadangkan supaya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menerajui bersama agensi kerajaan yang lain untuk mengatasi isu penglibatan warga asing dalam perniagaan dengan segera.

iv. Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam;

- Menyoalkan apakah alasan yang diberikan oleh pengusaha produk 1 Kampung 1 Produk (1K1P) untuk menolak kerjasama bersama Ghanim International International Corporation Sdn Bhd, dan apakah sokongan yang dapat dibuat oleh kerajaan atau pihak kementerian untuk menarik minat pengusaha bersetuju bagi bekerjasama dengan syarikat tersebut;
- Mencadangkan bagi beberapa produk 1 Kampung 1 Produk (1K1P) yang mempunyai permintaan yang tinggi untuk dibuat *franchise* dan dihasilkan bersama dalam skala yang besar;
- Mencadangkan bagi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) berkaitan 1 Kampung 1 Produk (1K1P) untuk diteliti dan dikemaskini semula;
- Menyarankan bagi penyelenggaraan dan penggantian tempat-tempat berjaya yang

kurang kondusif diberikan keutamaan dan disegerakan;

v. Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee;

- Menyoalkan adakah sasaran jumlah kutipan hasil projek-projek perekonomian Majlis Perundingan Mukim dan Kampung bagi tahun 2023/2024 belum disemak untuk mencerminkan pertumbuhan ekonomi dan apakah faktor yang menyumbang kepada peningkatan ketara dalam kutipan hasil;
- Mencadangkan keberkesanan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung (MPK) perlu dipertingkatkan melalui bimbingan dan latihan yang lebih baik khususnya bagi ahli-ahli yang baru dipilih;
- Mencadangkan inisiatif rangka kerja kompetensi dan kecekapan untuk MPK iaitu dengan buku panduan *standard* dan program induksi berstruktur;
- Menyoalkan berkenaan usaha-usaha yang sedang dilakukan untuk meningkatkan profil ambuyat di peringkat global, serta menjadikannya sebagai simbol Negara Brunei Darussalam yang diiktiraf di seluruh dunia;
- Mencadangkan kerjasama di antara pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk menjadikan Mukim Ukong sebagai kawasan utama dan tumpuan bagi pengeluaran ambuyat dan hub pelancongan yang dinamik.

vi. Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin;

- Memohon pencerahan kapasiti dan muatan tempat perlindungan anjing-anjing liar;
- Menyoalkan mengenai usaha-usaha kementerian bagi menempatkan anjing yang

- masih berkeliaran di tempat awam dan kawasan perumahan;
- Ingin mengetahui adakah anjing jantan dan betina diasingkan untuk mencegah pembiakan anjing dan adakah anjing tersebut akan dikebirikan untuk mengawal pembiakan anjing;
 - Ingin mengetahui langkah-langkah pencegahan agar penyakit *rabies* berkaitan dengan anjing-anjing liar tersebut tidak berlaku dan tersebar luas;
 - Memohon pencerahan rancangan jangka panjang bagi menguruskan masalah anjing liar, monyet dan buaya.
-

[MAJLIS MESUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI ISNIN, 04HB., MAC 2024 JAM 2.00 PETANG]
